



Manuscript Title: HUTANG, GADAI DAN KEHILANGAN TANAH: PENELITIAN SEMULA TERHADAP KEMUNDURAN EKONOMI MELAYU LUAR BANDAR DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB) SEMASA PENTADBIRAN BRITISH, 1922-1940

Authors: Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif and Nazarudin Zainun

Accepted Date: 8-October-2024

Please cite this article as: Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif and Nazarudin Zainun. Hutang, gadai dan kehilangan tanah: penelitian semula terhadap kemunduran ekonomi Melayu luar bandar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) semasa pentadbiran British, 1922-1940. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

© Penerbit Universiti Sains Malaysia. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

Kajian Malaysia (early view)

**HUTANG, GADAI DAN KEHILANGAN TANAH: PENELITIAN
SEMULA TERHADAP KEMUNDURAN EKONOMI MELAYU LUAR
BANDAR DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB)
SEMASA PENTADBIRAN BRITISH, 1922-1940**

***DEBT, MORTGAGE AND LAND LOSS: A RE-EXAMINATION OF THE
ECONOMIC BACKWARDNESS OF RURAL MALAYS IN THE
FEDERATED MALAY STATES (FMS) DURING BRITISH
ADMINISTRATION, 1922-1940***

Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif and Nazarudin Zainun

History Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM,
Pulau Pinang, MALAYSIA

Email: snhafizah@usm.my

ABSTRACT

The practice of borrowing and mortgaging among Malays during British colonial rule is often argued to be a significant factor for their land loss. Since this practice is frequently viewed negatively, particularly in terms of land loss among the Malays, the purpose of this practice as a means for Malays to obtain capital has been overlooked and not emphasized in previous writings. The question is, is it true that the practice of debt and mortgage only detrimental to the Malays and was the main factor contributing to the Malay land loss? This research indicated that the practice of debt and mortgage among rural Malays was crucial for their economic survival as it was an important method for obtaining credit for capital purposes to continue their daily lives. However, the legal constraints, especially the land laws and the imposition of specific crop conditions, especially rice cultivation, that yielded very low returns and, for the most part, did not bring any

Kajian Malaysia (early view)

profit to the Malays. This not only made it difficult for Malays to repay the debts they had incurred but also made them unable to pay land taxes and other related costs. Consequently, their land was taken over by creditors or auctioned off by the government. The inadequate financial allocations provided by British administration for credit purposes to enable rural Malays to integrate with economic modernisation further worsened the economic conditions of the Malays. The scope of this article begins in 1922 when the British administration enacted the *Cooperative Societies Enactment*, and ends in 1940, just before the Japanese occupation. This research employs a historical approach through the analysis of primary sources. The main primary sources referred to are official British government sources, namely the *Selangor Secretariat File*, *Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement*, *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak*, dan *F.M.S Government Gazette*. These sources enable the researcher to elucidate the challenges encountered by the Malays in their efforts to integrate into the modern economy, as well as the legal constraints and administrative actions imposed by the British that contributed to the indebtedness among the Malays.

Keywords: poverty and economic backwardness, loan and mortgage, credit, Malay land loss

ABSTRAK

Amalan berhutang dan gadai oleh orang Melayu semasa penjajahan British seringkali diujahkan sebagai faktor yang signifikan kepada kehilangan tanah. Oleh kerana amalan ini seringkali dilihat dari sisi negatif, iaitu kehilangan tanah orang Melayu, tujuan amalan ini sebagai salah satu kaedah memperoleh modal orang Melayu diabaikan dan tidak ditegaskan dalam penulisan-penulisan lepas.

Kajian Malaysia (early view)

Persoalannya, benarkah amalan hutang dan gadai ini hanya merugikan orang Melayu dan merupakan faktor utama menyumbang kepada kehilangan tanah orang Melayu? Penemuan kajian ini mendapati bahawa amalan hutang dan gadai dalam kalangan orang Melayu luar bandar penting kepada kelangsungan ekonominya kerana merupakan kaedah penting dalam memperoleh kredit bagi tujuan modal untuk meneruskan kehidupan seharian. Namun, kekangan perundangan, khasnya perundangan tanah dan penganan syarat tanaman tertentu khasnya tanaman padi oleh pentadbir British menyebabkan pulangan hasil yang amat rendah kepada orang Melayu dan untuk kebanyakan tahun pula tidak mendatangkan sebarang keuntungan. Hal ini bukan hanya menyukarkan orang Melayu menjelaskan hutang yang dibuat, tetapi juga menyebabkan orang Melayu tidak mampu menjelaskan cukai tanah dan kos-kos lain berkaitan tanah. Natiujahnya, tanah diambil alih oleh pemiutang ataupun dilelong oleh kerajaan. Ketidacukupan peruntukan untuk tujuan kredit yang disediakan oleh pentadbiran British bagi membolehkan orang Melayu luar bandar berintegrasi dengan permodenan ekonomi memburukkan lagi keadaan ekonomi orang Melayu. Skop masa penulisan artikel ini bermula pada tahun 1922 melalui pewartaan *Cooperrative Societies Enactment* yang membawa kepada kewujudan Koperasi Kredit Melayu Luar Bandar untuk membantu orang Melayu memperoleh sokongan kredit dan berakhir pada tahun 1940 menjelang pendudukan Jepun. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan pendekatan sejarah melalui analisis sumber primer. Sumber primer utama yang dirujuk bagi penulisan artikel ini adalah rekod-rekod rasmi British berkaitan Tanah Melayu iaitu *Selangor Secretariat File*, *Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement*, *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak*, dan *F.M.S Government Gazette*. Sumber-sumber ini membantu pengkaji memperincikan kekangan yang dihadapi orang Melayu untuk berintegrasi dengan ekonomi moden serta perundangan dan tindakan pentadbir British yang menjadikan orang Melayu sebagai kelompok berhutang.

Kata kunci: kemiskinan dan kemunduran ekonomi, hutang dan gadai, kredit, kehilangan tanah orang Melayu

PENDAHULUAN

Salah satu isu utama yang seringkali digunakan bagi menghujahkan kemiskinan dan kemunduran orang Melayu dalam ekonomi semasa pentadbiran British adalah kegiatan berhutang dan bergadai. Amalan berhutang dan gadai ini juga dianggap sebagai barah dalam kalangan orang Melayu yang menyebabkan mereka kehilangan tanah. Hal ini kerana, amalan tersebut lazimnya melibatkan cagaran tanah sebagai jaminan keselamatan ke atas hutang yang dibuat. Justeru, apabila terdapat dalam kalangan orang Melayu gagal melunaskan hutang, tanah mereka akan jatuh ke tangan orang asing (ceti dan pekedai Cina) yang merupakan pemiutang utama orang Melayu. Maka, orang Melayu akan kehilangan harta dan sumber ekonominya yang paling penting iaitu tanah dan sekaligus mempengaruhi keadaan ekonomi mereka (Firth 1964, 141-142). Bahkan orang Melayu juga dikatakan lebih gemar mendapatkan kemudahan kredit dan pinjaman secara tradisional ini sekalipun perolehan pinjaman secara tradisional adalah lebih tinggi kadar bunganya dan bersifat menindas walaupun telah disediakan kemudahan kredit yang diiktiraf kerajaan seperti melalui koperasi (Parkinson 1967, 34).¹

Selain itu, kehilangan tanah orang Melayu juga seringkali dikaitkan dengan penjualan tanah secara sukarela demi memenuhi tujuan sosial seperti menunaikan haji (Aiza dan Mahani 2023). Hal ini telah mengkaburkan salah satu tujuan penting amalan berhutang serta gadai dalam kalangan orang Melayu yang sebenarnya turut berkait rapat dengan keperluan modal untuk meneruskan kegiatan ekonomi khususnya bagi orang Melayu yang tinggal di luar bandar dan terlibat dalam

Kajian Malaysia (early view)

kegiatan pertanian sebagai kegiatan ekonomi utama. Kegagalan mereka menjelaskan hutang dan kredit yang dibuat melalui cagaran tanah amat bergantung kepada pendapatan mereka yang sentiasa rendah.² Hal ini diburukkan lagi oleh perundangan tanah British yang matlamat utamanya bukanlah untuk pembangunan ekonomi luar bandar sebaliknya demi kepentingan pemodal dan pentadbirannya (Ungku Aziz 1961, 81). Misalnya penganan syarat tanaman padi ke atas orang Melayu merupakan kegiatan yang amat rendah pulangan pendapatannya sehingga menjejaskan kemampuan orang Melayu menjelaskan hutangnya dan kos-kos lain berkaitan tanah yang dimilikinya.³ Namun masih terdapat dalam kalangan sarjana lepas yang masih menerima faktor signifikan kepada kehilangan tanah orang Melayu adalah disebabkan sikap gemar berhutang tanpa memperincikan tujuan amalan berhutang sebenarnya turut berkait rapat dengan keperluan modal yang semakin meningkat seiring dengan peningkatan kos tanaman dan kekangan daripada perundangan tanah British sendiri.

Hakikatnya, pentadbir British turut menyedari keperluan kredit semakin meningkat, namun pentadbir British hanya mengambil langkah yang serius untuk mengatasi isu ini bermula pada tahun 1922 apabila *Cooperrative Societies Enactment* diwartakan bagi tujuan mengatasi kemelut keperluan kredit oleh penduduk di Tanah Melayu termasuklah dalam kalangan petani Melayu luar bandar (Cavendish 1922, 7). Namun, kewujudan enakmen ini yang membawa kepada penubuhan KKLK umpamanya, masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan kredit yang semakin meningkat dalam kalangan orang Melayu luar bandar. Begitu juga, kehilangan tanah masih berlaku ekoran amalan berhutang untuk memenuhi keperluan modal akibat peningkatan kos penanaman. Hal ini diburukkan lagi dengan pendapatan petani yang sentiasa rendah menyebabkan golongan ini tidak mampu untuk menampung peningkatan kos tanaman yang dihadapi dan impaknya, golongan ini tetap tidak mampu menjelaskan hutang mereka kepada pemberi kredit termasuklah kepada koperasi.

SOROTAN LITERATUR

Ahmad Nazri (1985) misalnya, dalam membincangkan masyarakat Melayu dan tanah bersetuju bahawa sikap masyarakat Melayu merupakan antara faktor utama dalam kehilangan tanah sehingga menyebabkan pentadbiran British terpaksa menggubal perundangan khas iaitu “*The Malay Reservations Enactment*” yang kemudiannya diluluskan pada tahun 1913. Tujuan utama penggubalan tanah ini menurut justifikasi pentadbir British adalah bagi mengekang kehilangan tanah secara berterusan dalam kalangan orang Melayu kepada bukan Melayu sama ada kerana amalan berhutang mahupun penjualan secara sukarela bagi mendapatkan keuntungan dengan cara mudah dan pantas (Ahmad Nazri 1985, 59-62). Mahani juga bersetuju bahawa amalan berhutang merupakan fenomena yang berleluasa dalam kalangan Melayu termasuklah golongan wanita Melayu. Gejala ini menyebabkan tanah-tanah milik penghutang tersebut dilelong apabila gagal menjelaskan hutang. Terdapat juga dalam kalangan penghutang yang memindah milik tanah mereka kepada pemiutang demi menyelesaikan hutang (Mahani 2005, 121-125).

Lim (1971) pula mempunyai pandangan berbeza tentang amalan hutang masyarakat Melayu yang menurutnya bertujuan sebagai satu cara memperoleh modal bagi mengusahakan tanah. Beliau juga turut mengaitkan masalah hutang masyarakat Melayu kepada ceti dan pekedai Cina dengan sikap tidak peduli pentadbir British untuk membantu keperluan modal petani Melayu.⁴ Sungguhpun demikian, beliau nampaknya masih bersikap skeptikal kerana masih bersetuju dengan pandangan pentadbir British bahawa amalan pertanian masyarakat Melayu bersifat primitif (ketinggalan zaman), tidak efisien dan tiada sebarang pembaharuan telah menyebabkan produktiviti pengeluaran hasil tanaman yang rendah dan ini akhirnya turut menyumbang kepada masalah hutang yang

Kajian Malaysia (early view)

berterusan dalam kalangan masyarakat Melayu (Lim 1977, 87- 88). Pandangan Lim ini tidak berbeza dengan pandangan A. Rahman yang turut menghujahkan bahawa masyarakat Melayu terjebak dengan masalah hutang kerana kekurangan pinjaman kredit oleh kerajaan British khususnya bagi mengusahakan tanah dan ketidakmampuan masyarakat Melayu untuk menjelaskan hutang kesan daripada hasil pengeluaran pertanian yang rendah. Menurut beliau juga, masalah ini bertambah meruncing apabila sesebuah bidang tanah terpaksa digadai atau dipajak kepada peminjam wang (golongan ceti) yang akhirnya turut bertindak sebagai broker tanah. Kesannya, orang Melayu kehilangan tanah yang telah digadai atau dipajak tersebut (A. Rahman 2018, 116). Bahkan satu lagi penulisan bersama antara A. Rahman dan Abdul Rashid (2015) masih mengaitkan masalah hutang dalam kalangan orang Melayu sebagai penyebab utama kepada kehilangan tanah milik orang Melayu. Jomo (1988) juga turut menghujahkan bahawa amalam peminjaman dalam kalangan petani Melayu, khususnya petani padi cenderung untuk berterusan meningkat dan akhirnya meningkatkan lagi risiko kehilangan tanah.⁵ Ringkasnya, pandangan Jomo juga tidak jauh berbeza dengan pandangan Lim yang menganggap, kekurangan produktiviti atau hasil pengeluaran yang rendah merupakan faktor utama masalah hutang yang tidak pernah selesai dalam kalangan masyarakat petani Melayu. Hal ini kerana, ketidakmampuan petani Melayu menghasilkan lebih yang banyak dalam pengeluaran hasil tanaman untuk dipasarkan menyebabkan pendapatan petani tidak berubah dan berterusan rendah berbanding jumlah pinjaman yang kian meningkat. Akhirnya, kedudukan petani sebagai pemilik tanah bertukar menjadi penyewa tanah ekoran ketidakmampuan untuk menjelaskan beban hutang yang semakin besar tersebut.

Penulisan terbaharu yang membincangkan amalan berhutang orang Melayu oleh Nur Najwa, Ahmad Kamal Ariffin & Noor Ain (2023) mempunyai perspektif berbeza berkaitan isu hutang orang Melayu. Hal ini kerana, penulisan ini tidak menolak faktor luaran seperti kegiatan pertanian orang Melayu yang semakin

Kajian Malaysia (early view)

berintegrasi dengan elemen pasaran telah menyebabkan berlakunya monopoli terhadap pengeluaran orang Melayu sebagai punca utama gejala berhutang yang akhirnya memiskinkan orang Melayu. Secara keseluruhan, penulisan ini memfokuskan penindasan dan tindakan orang tengah sebagai punca berlakunya isu hutang yang tidak pernah selesai dalam kalangan orang Melayu sebagai punca utama kemiskinan orang Melayu yang berleluasa. Namun demikian, penulisan ini masih tidak menolak bahawa persekitaran dan sikap orang Melayu sendiri yang gemar berhutang sebagai antara faktor yang mendorong kepada kehilangan tanah orang Melayu. (Nur Najwa, Ahmad Kamal Ariffin & Noor Ain, 2023). Begitu juga, penulisan ini tidak memperincikan tujuan berhutang untuk keperluan modal serta perundangan dan tindakan kerajaan yang turut mempengaruhi kemiskinan dan kemunduran ekonomi dalam kalangan petani Melayu luar bandar.

Berdasarkan kepada masalah hutang dan gadai yang seringkali dikaitkan dengan kehilangan tanah orang Melayu oleh penulisan-penulisan lepas, maka tidak mengejutkan amalan ini seringkali dilihat dari sisi negatif. Tujuan amalan berhutang orang Melayu sebagai salah satu kaedah memperoleh modal mula diabaikan dan tidak ditegaskan dalam penulisan-penulisan yang ada sehingga akhirnya menimbulkan salah faham terhadap amalan berhutang dalam kalangan orang Melayu. Lebih malang, bebanan hutang yang berterusan meningkat, diangkat sebagai natijah kepada sikap orang Melayu yang dengan sengaja berhutang atas tujuan untuk keluar dari kesempitan hidup dengan cara mudah. Manakala bagi penulisan yang melihat isu hutang dan gadai sebagai salah satu cara orang Melayu memperoleh modal bagi menjalankan kegiatan ekonomi pula, masih tidak dapat lari daripada pandangan kolonial yang menghujahkan cara pengeluaran orang Melayu yang tidak mampu menghasilkan lebihan yang tinggi dalam pengeluaran sebagai penyebab utama masalah hutang orang Melayu terus meningkat. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk menilai semula pandangan negatif terhadap amalan hutang dan gadai masyarakat Melayu dan benarkah

Kajian Malaysia (early view)

amalan ini sahaja yang menyumbang kepada kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu? Penulisan ini juga akan turut menjawab persoalan sejauh manakah pertambahan hasil pengeluaran petani Melayu, khususnya dalam kalangan petani padi menjamin lebih pendapatan yang tinggi serta sekaligus mampu mengurangkan masalah hutang dalam kalangan orang Melayu dan akhirnya mengatasi masalah kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu.


PENINGKATAN AMALAN HUTANG DAN GADAI SEBAGAI TUJUAN MODAL MASYARAKAT MELAYU, 1922 HINGGA 1940

Berkaitan amalan berhutang dan gadai masyarakat Melayu, amalan ini berkait dengan keperluan modal pendahulu. Menurut Mokhzani (1973), keperluan kredit untuk modal pendahulu melalui cagaran tanah telah berlaku sekurang-kurangnya sejak kurun ke-15. Amalan berhutang atau pinjaman ini bukan hanya melibatkan cagaran tanah sahaja, tetapi juga hasil tanaman bermusim misalnya padi *kuncha* demi memperoleh kredit dan modal. Perkembangan perdagangan dalam ekonomi petani Melayu yang semakin berkembang pada abad ke-19 serta keperluan untuk meningkatkan pengeluaran bagi tujuan pasaran telah menyebabkan keperluan kredit semakin meningkat (Mokhzani (1973) dipetik daripada Jomo, 1988: 48). Namun, amalan berhutang dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga kurun ke-19 masih lagi dilindungi daripada ekonomi kapitalis⁶ yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata, misalnya melalui amalan gotong royong. Walaupun keluarga merupakan unit pengeluaran asas petani Melayu, kegiatan yang melibatkan kepentingan bersama diusahakan secara gotong royong sesama penduduk kampung. Misalnya pembukaan tanah baharu, pembersihan tanah dan pembinaan infrastruktur (terusan) (Jomo 1988, 5-6). Namun, ekoran perkembangan perdagangan dan ekonomi wang, amalan tradisi gotong royong yang mendasari amalan pengeluaran masyarakat Melayu semakin merosot dan digantikan dengan sistem upah. Justeru, keperluan modal dan kredit semakin meningkat dalam

kalangan masyarakat Melayu seiring dengan kemerosotan amalan sosial tersebut (Jomo 1988, 48). Perkara ini disedari dan diakui oleh N. W. Barritt yang merupakan pentadbir British sendiri (Barritt, 1913: 162). Bahkan, usaha meningkatkan produktiviti dan penghasilan padi turut menyebabkan petani padi terpaksa menanggung bebanan kos pengeluaran yang tinggi. Misalnya berdasarkan kepada eksperimen oleh Jabatan Pertanian, kos penanaman padi di Tanah Melayu bagi setiap ekar tanah adalah di antara \$30 hingga ke \$35 iaitu bergantung kepada kemudahan infrastruktur yang disediakan kerajaan yang dikenakan bayaran, kos sewa tanah yang lebih tinggi bagi tanah-tanah yang digazetkan di bawah rancangan pengairan, langkah penanaman yang berbeza mengikut jenis tanah yang berbeza serta jenis benih padi yang digunakan (*Report of the Rice Cultivation Committee*, vol. II, 1931: 24). Walaupun demikian, sekalipun dengan pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan oleh pentadbiran British, jumlah pendapatan petani padi bagi setiap ekar tanaman padi sentiasa rendah seperti yang berlaku di daerah Kerian, Perak. Buktinya, perolehan jualan bagi setiap ekar tanah padi di daerah ini adalah kurang daripada \$30 kecuali pada tahun 1922 sehingga tahun 1926 dan pada tahun 1935 akibat daripada harga padi yang sentiasa rendah. Misalnya, harga pasaran segantang padi hanya \$0.13 hingga \$0.14 sen untuk tahun 1922 sehingga tahun 1930. Kemudian bermula pada tahun 1931 sehingga tahun 1939 harga padi hanyalah sekitar \$0.08 hingga \$0.09 sahaja (*AR Perak, 1930-1939*). Penghasilan padi setiap ekar bagi tempoh yang sama pula adalah di antara 160 gantang hingga 393.3 gantang dengan penghasilan padi tertinggi adalah pada tahun 1935 (*AR Perak, 1930-1939*). Justeru, anggaran keuntungan daripada pendapatan yang diperolehi petani padi daripada penanaman padi adalah sentiasa rendah dan untuk kebanyakan tahun yang dibincangkan tidak dapat menampung kos minimum yang diperlukan untuk seekor penanaman padi sekalipun. Buktinya, untuk sepanjang tempoh 17 tahun tersebut, hanya enam tahun yang jumlah anggaran pendapatan setiap ekar penanaman padi melebihi kos minimum yang diperlukan untuk penanaman padi bagi setiap ekar iaitu pada tahun 1922 hingga

Kajian Malaysia (early view)

1926 dan tahun 1935. Namun jika kos maksimum iaitu \$35 diambil kira, maka hanya tiga tahun sahaja untuk sepanjang tempoh tersebut yang pendapatan seekar penanaman padinya adalah melebihi kos diperlukan untuk setiap ekar penanaman padi iaitu pada tahun 1923, 1924 dan 1925. Hal ini dapat dilihat daripada Rajah 1 di bawah yang menunjukkan anggaran pendapatan bagi setiap ekar tanaman padi untuk tahun 1922 hingga tahun 1939:



Petunjuk:

- Kos minimum (\$30)
- Kos maksimum (\$35)
- Anggaran pendapatan setiap ekar penanaman padi (\$)

Rajah 1: Anggaran pendapatan penanaman padi bagi setiap ekar (\$), 1922 hingga 1939

Sumber: Annual Report of Perak, 1936-1938

Berdasarkan Rajah 1, pada tahun 1935 adalah yang tertinggi untuk sepanjang tempoh ini iaitu berjumlah 393.3 gantang seekar. Harga belian segantang padi pada tahun ini pula adalah \$0.08 iaitu meningkat \$0.02 berbanding tahun sebelumnya. Maka harga belian padi bagi setiap ekar pada tahun ini hanyalah \$31.5 (*AR Perak*, 1935). Oleh itu, jika diambil kira kos minimum, \$30 untuk seekar penanaman padi, petani padi hanya memperoleh lebih pendapatan sebanyak \$1.5 sahaja untuk setiap seekar penanaman padi pada tahun ini. Namun jika kos penanaman padi mencapai kos maksimum yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian iaitu \$35, maka petani padi akan mengalami kerugian sebanyak \$3.5 bagi setiap ekar penanaman padi. Hal ini sudah tentu bertambah sukar pada tahun-tahun yang penghasilan padi untuk setiap ekarnya adalah lebih rendah untuk sepanjang dekad keempat kurun ke-20 ini memandangkan harga padi yang tidak pernah melebihi \$0.09 untuk sepanjang dekad tersebut (*AR Perak*, 1930-1939).

Umpamanya, semasa purata penghasilan padi untuk seekar adalah kedua tertinggi untuk sepanjang tempoh yang dibincangkan tersebut, iaitu pada tahun 1934, purata penghasilan padi seekar di Kerian, Perak adalah berjumlah 362.5 gantang seekar. Tetapi harga pasaran bagi segantang padi pada tahun ini berada peringkat paling rendah iaitu \$0.06 (*AR Perak*, 1934). Oleh yang demikian, anggaran purata pendapatan petani padi daripada penjualan padi untuk seekar pada tahun ini adalah berjumlah \$22.0 sahaja. Maka, petani padi terpaksa menanggung kerugian di antara \$8.0 hingga \$13.0 bagi setiap ekar penanaman padi untuk tahun ini berdasarkan kepada kos penanaman padi yang berjumlah \$30-\$35 seekar. Lanjutan itu, bagi memastikan penanaman padi dapat diusahakan pada musim akan datang, petani padi ini sudah tentulah terpaksa berhutang bagi menampung kos penanaman padi untuk tahun berikutnya. Melihat kepada harga pasaran segantang padi yang berterusan rendah ini, maka tidak hairanlah hutang petani padi akan terus

Kajian Malaysia (early view)

meningkat dan akhirnya menyebabkan tanah milik mereka terkadai akibat ketidakmampuan menjelaskan hutang yang dibuat. Tambahan pula tahun berikutnya juga iaitu pada tahun 1935 keuntungan hasil padi untuk setiap ekar tidak seberapa iaitu hanya sekitar \$1.5 ataupun kemungkinan juga akan turut mengalami kerugian jika kos penanaman padi mencapai kos maksimum penanaman padi yang berjumlah \$35 seekar. Maka, keperluan berhutang bagi tujuan modal semakin meningkat lantaran hasil pendapatan yang kurang daripada kos penanaman.

Ringkasnya, sebarang usaha meningkatkan pengeluaran hasil tanaman, turut diiringi dengan peningkatan perbelanjaan yang perlu ditanggung petani. Oleh yang demikian, sekiranya harga pasaran bagi hasil tanaman sentiasa rendah, sudah tentulah peningkatan pengeluaran tidak mampu menampung peningkatan kos perbelanjaan yang perlu ditanggung petani. Hal ini juga membuktikan bahawa masyarakat Melayu ini berhutang kerana pendapatan daripada penanaman padi yang sentiasa rendah iaitu lebih rendah berbanding kos penanaman yang terpaksa ditanggung mereka. Maka, berdasarkan kepada situasi-situasi yang berlaku ini, dapat dilihat bahawa peningkatan amalan berhutang sebenarnya turut berkait rapat dengan peningkatan keperluan modal oleh masyarakat Melayu khususnya golongan petani akibat daripada peningkatan kos-kos penanaman yang perlu ditanggung mereka.⁷

Menyedari keperluan kredit untuk tujuan modal yang semakin meningkat ini juga, selain daripada penyediaan pinjaman, satu usaha penting lain yang dilakukan oleh pentadbiran British dalam membantu keperluan kredit petani-petani luar bandar adalah dengan pelaksanaan koperasi atau syarikat kerjasama. Penubuhan koperasi ini secara rasmi diluluskan oleh kerajaan pada tahun 1922, melalui pewartaan *Cooperrative Societies Enactment* pada tahun tersebut. Penubuhan ini juga merupakan satu alternatif dalam membantu orang Melayu menyimpan wang mereka lantaran orang Melayu menolak menyimpan wang di bank-bank yang

Kajian Malaysia (early view)

mempunyai unsur riba yang diharamkan oleh Islam. Maka, pertubuhan koperasi ini bertindak sebagai bank atau menjalankan fungsi-fungsi sebuah bank iaitu memberikan pinjaman daripada wang-wang orang Melayu yang didepositkan dalam koperasi ini tanpa melibatkan sebarang unsur riba dan kadar bunga yang tinggi (Cavendish 1922, 2, 6-7). Pentadbir tertinggi British dalam persidangan yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 1925 juga nampaknya sangat positif bahawa penubuhan koperasi ini, khususnya Koperasi Kredit Melayu Luar Bandar akan memberi impak positif kepada aspek ekonomi dan kebajikan sosial anggotanya dan mengharapkan berlakunya pertambahan dalam jumlah koperasi yang ditubuhkan (The Straits Echo 1925). Hal ini adalah selaras dengan matlamat utama penubuhan koperasi yang bertujuan menangani isu-isu ekonomi dan hutang yang tinggi bukan hanya dalam kalangan petani-petani Melayu luar bandar tetapi juga buruh-buruh ladang melalui penawaran alternatif kepada perolehan pinjaman kredit daripada tukang-tukang pajak, pekedai-pekedai Cina dan golongan ceti yang kadar bunga pinjamannya adalah amat tinggi (Gamba 1954, 44; Fredericks 1967). Bagi Koperasi Kredit Melayu Luar Bandar ini juga, ianya turut bertujuan membantu kegiatan pertanian luar bandar dengan menawarkan penyediaan kemudahan-kemudahan seperti latihan dan jentera-jentera, serta pasaran bagi hasil pertanian selain daripada menawarkan pinjaman dan bantuan kredit kepada anggotanya. Objektifnya adalah bagi meningkatkan produktiviti hasil pertanian petani luar bandar dan mengelakkan eksplotasi daripada pihak ketiga seperti pemborong, pengilang dan pekedai termasuk juga ceti (Selangor Secretariat File 582/1923; The Straits Times 1926).

Namun, isu utama yang membelenggu penubuhan koperasi-koperasi atau syarikat usaha sama ini adalah dananya bergantung kepada sumbangan (simpanan) daripada anggota-anggotanya sama ada melalui yuran keahlian atau pun wang yang didepositkan sebagai simpanan oleh ahli-ahlinya. Justeru, kemampuan ekonomi iaitu kewangan ahli-ahlinya untuk menyimpan dan berbelanja

Kajian Malaysia (early view)

memainkan peranan yang sangat penting kepada kelangsungan kewujudan koperasi-koperasi ini. Misalnya semasa bermulanya kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1929, berlaku kemerosotan terhadap harga tanaman yang dihasilkan oleh petani. Maka, pendapatan petani sama ada petani padi, getah mahupun kelapa telah terjejas teruk (Lim 1977, 181-201). Situasi yang dihadapi petani ekoran kemelesetan ekonomi ini telah menjejaskan aktiviti mereka bersama koperasi dan seterusnya meningkatkan lagi keperluan kredit. Umpamanya pada tahun 1935, kejatuhan harga getah dan pengenalan kuota pengeluaran getah kepada pekebun-pekebun kecil getah telah menyebabkan pendapatan mereka berkurang sehingga menjejaskan kemampuan untuk menjelaskan komitmen simpanan tunai dan bayaran pinjaman kepada koperasi. Sebaliknya lebihan yang ada hanya cukup untuk menampung cukai tanah dan perbelanjaan harian sahaja (Selangor Secretariat File 419/1935).

Situasi serupa turut berlaku kepada koperasi yang ahlinya terlibat dalam penanaman kelapa. Salah satu koperasi yang ahlinya terlibat dengan tanaman kelapa yang terjejas semasa kemelesetan ekonomi dunia ekoran kejatuhan harga kelapa mentah dan kelapa kering adalah Koperasi kredit Luar Bandar (KKLB) Kampung Baharu Sabak Bernam. Pada tahun-tahun awal penubuhannya iaitu sejak tahun 1925, perjalanan koperasi adalah agak baik. Ahli-ahli dapat membayar syer tahunan dan bayaran balik pinjaman dengan baik kerana harga tanaman iaitu kelapa dan kelapa kering adalah agak tinggi pada tempoh-tempoh tersebut. Namun selepas tahun kelima koperasi ini ditubuhkan iaitu pada tahun 1930, disebabkan kejatuhan harga kelapa dan kelapa kering, bayaran tetap tahunan dan jumlah pinjaman yang dibayar semula kepada koperasi mulai merosot (Roff 1984, 201-202). Hal ini menjejaskan pendapatan koperasi dan menyebabkan jumlah pinjaman yang mampu diberikan oleh koperasi juga turut merosot. Situasi ini dapat dilihat daripada Jadual 1:

Jadual 1: Kira-Kira Akaun Koperasi Luar Bandar Kampung Baharu Sabak Bernam

Tahun	Jumlah bayaran masuk (\$)	Yuran (syer tahunan) (\$)	Pinjaman di berikan (\$)	Jumlah pinjaman
1926	31.00	241.00	435.00	16
1927	-	119.00	645.00	18
1928	2.00	221.00	631.00	16
1929	4.00	221.00	1155.00	22
1930	2.00	201.00	715.00	11
1931	1.00	84.00	290.00	6
1932	-	2.00	30.00	1
1933	-	29.00	100.00	1
1934	-	1.00	7.50	1
1935	-	10	-	-

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada (William R. Roff 1984, 200)

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa jumlah syer tahunan yang perlu dibayar kepada koperasi oleh ahlinya merosot selepas tahun 1930 dan pada tahun 1935, jumlah yuran tahunan yang dibayar oleh ahli koperasi hanyalah \$10 sahaja iaitu merosot hampir 96% berbanding pada tahun awal penubuhannya. Hal ini turut mempengaruhi jumlah pinjaman yang boleh diberikan kepada ahli koperasi dan pada tahun 1935, tiada pinjaman dapat diberikan kerana pinjaman-pinjaman oleh ahli koperasi yang tidak dapat dijelaskan sebelum ini (*Majlis* 1936 dipetik dari Roff 1984, 202). Walaupun koperasi mengalami cabaran getir akibat kemerosotan pendapatan ahli-ahlinya, namun koperasi ini masih bernasib baik kerana masih dapat bertahan dan tidak perlu dicairkan asetnya untuk menjelaskan liabiliti yang ada kerana jumlah modal berbayar masih lagi mampu bertahan. Situasi yang dihadapi oleh KKLK Kampung Baharu Sabak Bernam ini yang tidak dapat menawarkan pinjaman kepada para ahlinya kerana pendapatan koperasi yang

Kajian Malaysia (early view)

terjejas juga turut dihadapi oleh koperasi di beberapa kawasan yang lain. Bagi koperasi ini juga, pinjaman kredit terpaksa dibekukan kerana koperasi tidak mempunyai cukup dana untuk tujuan pinjaman kepada ahli-ahlinya ekoran kegagalan pemimjam-pemimjam sebelum ini melunaskan pinjaman mereka (Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement, 1937, 5).

Namun, tidak semua koperasi mampu bertahan semasa situasi kemelesetan ekonomi. Buktinya, ada juga koperasi yang tidak cukup dana untuk pinjaman kredit serta terdapat juga koperasi yang terpaksa mencairkan asetnya demi menampung kerugian dan perbelanjaan pinjaman yang diberikan kepada pemimjam seperti yang berlaku kepada beberapa KKLK di Negeri Sembilan (Selangor Secretariat File 419/1935). Pada tahun 1937 pula, terdapat 17 buah lagi koperasi yang perlu dicairkan asetnya demi menampung tanggungan liabiliti yang ada dengan dua daripada koperasi ini telah berjaya dicairkan asetnya. Situasi ini berkait rapat dengan kemerosotan pendapatan ahli-ahli koperasi yang berkenaan lanjutan daripada kemelesetan ekonomi yang menjejaskan pendapatan yang diperoleh disebabkan harga tanaman yang rendah. Situasi ini memberi kesan kepada kemampuan koperasi menjelaskan liabilitinya lantaran pendapatan koperasi berterusan merosot apabila ahli tidak mampu menjelaskan hutang atau pinjaman mereka. Maka, untuk mengelakkan kerugian yang berterusan kepada koperasi, koperasi ini terpaksa mencairkan aset sedia ada milik mereka (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* 1937). Maka, tidak semua koperasi ini mampu beroperasi sebaiknya dalam menawarkan keperluan kredit yang mencukupi kepada ahli-ahlinya yang memerlukan.

Bagi petani padi pula, perkara utama lain adalah kemampuan koperasi ini untuk terus wujud dan kekal relevan dalam menyediakan keperluan kredit dalam kalangan petani padi yang semakin meningkat dari tahun ke tahun ekoran

peningkatan kos pertanian khususnya tanaman padi yang pendapatannya sentiasa rendah selain daripada halangan kerajaan terhadap tanaman getah yang lebih memberi keuntungan kepada petani sekalipun semasa kemelesetan ekonomi dunia (Lim 1969, 166).⁸ Pengenaan syarat tanaman tertentu ke atas hak pemilikan tanah dan sekatan terhadap tanaman getah turut menjadi halangan kepada orang Melayu meningkatkan pendapatannya sehingga mempengaruhi kemampuannya untuk menyimpan deposit dan membayar balik pinjaman yang disediakan koperasi. Tambahan pula, keengganan pentadbiran British menyuntik dana kepada koperasi-koperasi yang ada menyukarkan lagi kemampuan koperasi untuk kekal bertahan sehingga koperasi terpaksa meminjam daripada pihak luar untuk menampung pinjaman yang dibuat oleh ahlinya dan kelangsungan kewujudannya. Misalnya pada tahun 1937, di Hilir Perak, terdapat ahli-ahli koperasi yang terdiri daripada petani padi yang terpaksa mendapatkan kredit daripada sumber luar kerana koperasi tidak mampu menyediakan kredit yang diperlukan. Keadaan ekonomi yang mendesak kerana pendapatan daripada penanaman padi yang rendah menyukarkan mereka untuk menjelaskan pinjaman tersebut. Hal ini menyebabkan petani-petani padi tadi hanya mampu membayar pinjaman sebanyak \$637 dan kadar bunga sebanyak \$172 (Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement 1937, 7). Pinjaman tersebut masih berbaki \$2,843 dan kadar bunga pula masih berbaki \$85. Disebabkan dana yang ada tidak mencukupi untuk menjelaskan baki pinjaman, maka anggota koperasi terpaksa menjual enam bidang tanah yang dimiliki (keluasan tidak dinyatakan) untuk memastikan baki pinjaman dan kadar bunga dapat dijelaskan (Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement 1937, 7). Laporan akhbar pada tahun yang sama juga turut menggangap tahun 1937 ini sebagai tahun yang sukar bagi petani padi kerana penghasilan pada tahun ini adalah begitu rendah di kebanyakan kawasan akibat daripada masalah cuaca. Hal ini menyebabkan peningkatan dalam jumlah kredit yang dipinjam daripada koperasi-koperasi luar bandar oleh petani

Kajian Malaysia (early view)

padi. Namun dalam masa yang sama juga, ramai pemimjam tidak dapat menjelaskan pinjaman kerana pendapatan yang rendah disebabkan pengurangan hasil tanaman. Maka, keadaan ini turut menyukarkan beberapa koperasi meminjamkan wang kerana bayaran balik yang rendah dan semasa tempoh sukar ini juga, banyak koperasi yang ahli-ahlinya terdiri daripada petani padi tidak mampu menjalankan fungsinya dengan aktif akibat kelesuan ekonomi para ahlinya (The Straits Times 1937).

Hal ini membuktikan bahawa penubuhan koperasi ini masih tidak mampu untuk menyelesaikan sepenuhnya keperluan kredit yang diperlukan oleh petani-petani Melayu di luar bandar khususnya petani padi dan penjualan aset petani, iaitu tanah masih berlaku walaupun matlamat asal penyediaan koperasi ini adalah untuk mengelakkan petani-petani daripada kehilangan tanah. Begitu juga kewujudan koperasi ini kebanyakannya mempunyai dana yang rendah serta tidak mampu untuk menampung keperluan kredit yang semakin meningkat kerana pergantungan kepada yuran keahlian dan simpanan dalam kalangan anggotanya sedangkan pendapatan golongan ini pula adalah sentiasa rendah. Maka diakhirnya ramai dalam kalangan petani luar bandar masih berhutang kepada ceti dan pekedai-pekedai Cina dan tuan-tuan tanah yang kaya dengan mencagarkan tanah atau hasil tanaman mereka. Situasi ini berlaku kerana keperluan kredit yang masih tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pentadbiran British melalui pelaksanaan koperasi ini serta kekurangan badan-badan modal lainnya yang dapat memenuhi keperluan kredit petani (Ungku Aziz 1959, 21; Gamba, 1958, 35; Swift 1964, 154; Mokhzani 2006, 106). Bagi KKL B sendiri misalnya, ketidakcukupan jumlah koperasi berbanding jumlah penduduk begitu ketara. Pada tahun 1931 umpamanya, jumlah KKL B di NNMB adalah 64 buah dengan keahliannya adalah 1,858 orang dengan jumlah syer berbayar \$83,520 (Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement 1937, 29). Namun, jumlah populasi penduduk Melayu NNMB pada tahun yang sama

Kajian Malaysia (early view)

adalah berjumlah 593,731 orang (Vlieland 1932, 167). Bermaksud hanya 0.3% sahaja orang Melayu terlibat dengan koperasi ini. Maka, secara keseluruhannya, kewujudan koperasi masih tidak meluas dan ini sebenarnya amat berkait rapat dengan ketidakmampuan rata-rata orang Melayu membeli syer bagi penubuhan koperasi kerana pendapatan mereka yang sentiasa rendah kerana kekangan-kekangan kewangan yang dihadapi.⁹

KEHILANGAN TANAH ORANG MELAYU: SUKARELA ATAU TERPAKSA?

Dalam mengatasi isu kehilangan tanah orang Melayu, pentadbiran British di Tanah Melayu telah menguatkuasakan *The Malay Reservation Enactment, 1913* yang kemudian digubal semula dan digantikan dengan *The Malay Reservations Enactment, 1933*. Namun pelaksanaan ini juga selain daripada merugikan dan menjejaskan pendapatan orang Melayu, tidaklah benar-benar dapat menghalang tanah-tanah yang digazetkan untuk orang Melayu ini diambil alih oleh orang bukan Melayu. Berkaitan menjejaskan pendapatan orang Melayu, perundangan ini telah menghadkan peluang orang Melayu untuk terlibat dalam ekonomi komersial dan moden yang sedang pesat berlaku kerana peluang untuk memperoleh kemudahan kredit yang lebih menguntungkan semakin terbatas (Kratoska 1983, 150 and 158). Hal ini kerana, enakmen ini telah menurunkan nilai tanah lanjutan daripada sekatan tambahan terhadap sewa dan gadai janji tanah antara orang Melayu dengan bukan Melayu menyebabkan tanah yang berkenaan dianggap kurang bernilai kepada golongan tersebut dan akhirnya mengurangkan jumlah kredit yang diperoleh orang Melayu (David Wong 1975,510; Kratoska 1983).

Ironinya juga, walaupun perundangan ini bertujuan untuk mengelakkan kerugian kepada orang Melayu dan kehilangan tanah milik mereka kepada bukan Melayu, dominasi dan penindasan orang bukan Melayu ke atas orang Melayu masih

berterusan berlaku di kawasan-kawasan tanaman padi utama yang akhirnya menyumbang kepada kehilangan tanah orang Melayu. Misalnya di Kerian, Perak, penyertaan kapitalis Cina yang mempunyai modal besar di dalam sektor ini telah membina kilang-kilang untuk pemprosesan padi yang merupakan antara infrastruktur paling utama dalam pengkomersialan tanaman padi. Sebenarnya sejak tahun 1907, telah ada cadangan supaya pentadbiran British membina kilang-kilang untuk pemprosesan padi. Namun kerajaan enggan membina infrastruktur yang penting ini. Maka, petani-petani padi terpaksa menjual padi mereka kepada kilang-kilang yang dimiliki oleh kapitalis Cina ini. Kesan negatifnya adalah, pengilang-pengilang Cina mengambil kesempatan daripada sistem *padi kuncha* dengan membeli padi daripada petani miskin ini dengan harga yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran (Lim 1977, 155). Tambahan pula, petani-petani padi tidak mempunyai pilihan lain kerana ini juga merupakan salah satu cara mereka memperoleh kemudahan kredit dengan cara mudah walaupun menyedari akan mengalami kerugian. Pentadbiran British juga sedia maklum akan perolehan kredit dengan cara ini membebaskan dan menindas orang Melayu. Namun kerajaan tidak bersedia untuk mengeluarkan perbelanjaan besar bagi memecahkan monopoli amalan kredit dengan cara ini (Lim 1977, 156). Hanya pada tahun 1921, kerajaan mengambil usaha untuk memecahkan monopoli pengilang Cina ini dengan mengambil alih Kilang Beras Kuala Kurau apabila kilang ini gagal mematuhi harga minimum yang ditetapkan kerajaan. Pun begitu, usaha tersebut masih tidak berjaya menambah baik keadaan petani padi dan kerajaan juga masih tidak berupaya memecahkan monopoli pengilang-pengilang Cina yang telah lama berakar umbi tersebut (Lim 1977). Rentetan kekurangan kemudahan kredit yang disediakan oleh pentadbir British dan ketidaksanggupan kerajaan British mengeluarkan perbelanjaan besar untuk memecahkan monopoli kredit bukan Melayu, menyebabkan orang Melayu terus dibelenggu oleh kemudahan kredit yang menindas ini dan orang Melayu terus menjadi kelompok berhutang yang akhirnya menyebabkannya kehilangan tanah. Walaupun terdapat sekatan peralihan tanah

Kajian Malaysia (early view)

kepada bukan Melayu melalui pelaksanaan *The Malay Reservations Enactment*, pengilang dan pekedai Cina ini masih boleh menggunakan peruntukan undang-undang untuk memperoleh tanah tersebut atau sekurang-kurangnya hak penggunaan ke atas tanah tersebut. Misalnya melalui perjanjian berasingan dengan orang Melayu yang menjadi proksinya ataupun menandatangani perjanjian lain dengan pemilik tanah Melayu untuk memberikan kuasa kepada mereka bagi memperoleh hak menggunakan tanah tersebut mahupun memohon tindakan mahkamah untuk melelong tanah milik orang Melayu tersebut kerana kegagalan melunaskan pinjaman (Kratoska 1983, 155 & 156).

Selain daripada kekurangan kemudahan kredit yang menjadikan orang Melayu menjadi kelompok berhutang, satu lagi perkara penting yang menyebabkan kehilangan tanah oleh orang Melayu adalah penganan syarat tanaman padi di atas tanah tertentu seperti termaktub dalam *Land Enactment, 1911*, Bahagian I, Seksyen 3a (i) telah menetapkan peraturan khas berkaitan tanah yang telah diasingkan untuk penanaman padi sawah (*The Land Enactment, 1911*” dalam *The Laws of The Federated Malay States 1877-1920*, 77). Di bawah syarat tanaman ini, sekiranya pemilik tanah didapati melanggar peraturan yang ditetapkan di bawah perkara ini, perundangan tersebut memberi kuasa kepada *Collector* di daerah terlibat untuk mengeluarkan notis supaya syarat tanaman dipatuhi dan jika pemilik tanah masih enggan, maka hak pemilikan tanah bagi pihak yang terlibat boleh dilucutkan (*The Land Enactment, 1911*” dalam *The Laws of The Federated Malay States 1877-1920*, 77-78).¹⁰ Implikasi penting di sebalik penganan syarat tanaman yang dikenakan ke atas orang Melayu untuk terus terlibat dengan tanaman padi adalah golongan ini tidak dapat menceburkan diri dengan tanaman lain, misalnya tanaman getah yang merupakan tanaman yang dapat meningkatkan pendapatan mereka. Sebaliknya, orang Melayu terpaksa untuk terus terlibat dengan tanaman padi walaupun pendapatannya sentiasa rendah. Kesannya, orang Melayu dibelenggu oleh masalah hutang dan sukar sekali untuk keluar dari belenggu

hutang ekoran pendapatan yang sentiasa rendah tersebut (Andaya dan Andaya 1982, 219).

Selain daripada kehilangan tanah akibat ketidakmampuan menjelaskan hutang mereka, pendapatan yang rendah ini juga turut memberi kesan ke atas kemampuan orang Melayu untuk menjelaskan cukai tanah dan kos-kos lain berkaitan tanah yang merupakan syarat utama dalam pemberian geran tanah untuk menjamin hak pemilikan ke atas tanah seperti termaktub *Land Enactment, 1911* iaitu di bawah Bahagian VI, Seksyen 73 yang kemudiannya masih lagi wujud dalam *Land Code, 1926* pada Bahagian XVIII, Seksyen 214 (*The Land Code 1926, 1087*). Terdapat banyak orang Melayu kehilangan tanah kerana kegagalan mematuhi peraturan ini seperti yang berlaku di Kerian, Perak. Buktinya, berdasarkan kepada rekod-rekod *Government Gazette* yang dirujuk, terdapat begitu banyak notis arahan lelongan daripada kerajaan yang melibatkan orang Melayu (pemilik asal) kerana kegagalan pemilik-pemilik tanah yang berkenaan menjelaskan cukai tanah dan kos-kos lain yang berkaitan. Misalnya pada tahun 1926, sebanyak 1,486 lot tanah dilelong di Kerian, Perak sahaja atas kegagalan menjelaskan bayaran cukai tanah dan kos-kos lain berkaitan tanah. Lelongan tanah di Kerian, Perak yang merupakan kawasan utama dan penting penanaman padi di Perak dan NNMB ini adalah yang tertinggi sekali di NNMB dan hampir keseluruhannya melibatkan orang Melayu apabila 1308 lot tanah atau 88% daripada jumlah lot tanah yang dilelong itu merupakan milik orang Melayu. Selebihnya, iaitu hanya 174 lagi lot tanah atau 12% melibatkan orang bukan Melayu (*F.M.S Government Gazette 1926, 204-227*). Situasi yang berlaku ini adalah seiring dengan pendapatan petani padi di daerah tersebut yang sentiasa rendah. Misalnya sejak tahun 1922, keuntungan daripada setiap ekar penanaman padi setelah ditolak kos penanaman padi untuk setiap ekar hanyalah \$3 hingga \$10 sahaja jika kos penanaman padi seekar adalah \$30. Namun jika kos penanaman padi mencapai \$35 seekar, maka keuntungan padi seekar adalah di antara \$0.1 hingga \$5.3 untuk tahun 1923 hingga 1925 dan untuk tahun

Kajian Malaysia (early view)


1922 dan 1926 pula, petani padi akan mengalami kerugian sekitar \$1.8 (lihat Rajah 1). Justeru, keadaan ini sudah tentu mempengaruhi kemampuan mereka menjelaskan cukai tanah dan kos-kos lain berkaitan tanah ekoran pendapatan yang sentiasa rendah ini selain daripada menjelaskan hutang-hutang sedia ada.

Tidak hanya pada tahun 1926, lelongan tanah oleh pihak kerajaan terhadap pemilik-pemilik tanah di Kerian, Perak kerana kegagalan menjelaskan cukai tanah dan kos-kos lain berkaitan tanah masih lagi antara yang tertinggi di Perak dan NNMB pada dekad selepasnya iaitu pada tahun 1937. Sebanyak 409 lot tanah telah dilelong di daerah tersebut dengan 316 lot atau 77% daripadanya adalah dimiliki oleh orang Melayu dan 93 lot lagi atau 23% merupakan tanah milik bukan Melayu (*F.M.S Government Gazette* 1937, 3301-3307). Begitu juga, tahun ini juga mencatatkan pendapatan daripada seekar penanaman padi hanyalah \$23.9 dan tahun-tahun sebelumnya iaitu sejak tahun 1930 menunjukkan jumlah pendapatan yang rendah bagi setiap ekar penanaman padi iaitu hanya sekitar \$19.4 hingga \$31.5. Hal ini menunjukkan bahawa petani padi mengalami kerugian berterusan bagi setiap ekar penanaman padi mengambil kira kos penanaman padi adalah di antara \$30 hingga \$35 seekar dan perkara ini ternyata menjejaskan kemampuan mereka menjelaskan cukai dan kos-kos lain berkaitan tanah sehingga membawa kepada lelongan tanah. Bukan hanya di Kerian, di Batang Padang, Perak juga kehilangan tanah orang Melayu banyak berlaku atas faktor yang sama iaitu dilelong oleh kerajaan kerana ketidakmampuan menjelaskan cukai tanah dan kos-kos lain berkaitan tanah. Misalnya, sebanyak 178 lot tanah di daerah ini diarahkan untuk dilelong kepada umum dan kesemuanya adalah milik orang Melayu (*F.M.S Government Gazette* 1939, 2264-2267).

Mengambil kira penanaman padi yang tidak memberikan pulangan yang menguntungkan, terdapat dalam kalangan petani yang melanggar syarat tanaman padi dan menanam tanaman lain yang lebih menguntungkan. Kegagalan mematuhi

Kajian Malaysia (early view)

syarat tanaman menyebabkan pemilik-pemilik tanah tersebut menerima *Notice of Re-Entry* di bawah Seksyen 37, *The Land Code, 1926* yang memaksa mereka mematuhi syarat tanaman “padi” dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis dikeluarkan untuk mengelakkan tanah mereka diambil semula oleh kerajaan. Misalnya, di Sungei Tinggi, daerah Larut, Perak, notis sedemikian telah dikeluarkan ke atas 12 orang pemilik tanah kerana menanam kelapa di atas tanah milik mereka yang telah disyaratkan untuk tanaman padi sahaja (*F.M.S Government Gazette* 1929, 369-371). Selain daripada tidak mematuhi syarat tanaman yang dibenarkan di atas tanah yang dimiliki, kekangan syarat tanaman ini juga menyebabkan terdapat dalam kalangan petani tidak mengusahakan tanaman padi di atas tanah yang telah dikhaskan untuk tujuan tersebut. Misalnya di antara tahun 1936 hingga 1938, berlaku peningkatan ketara dalam tanah yang tidak diusahakan dengan tanaman padi bagi tanah-tanah yang telah dikhaskan untuk tujuan tersebut di Kerian, Perak. Hal ini dapat dilihat daripada Rajah 2 di bawah:



Rajah 2: Jumlah ekar tanah yang tidak diusahakan dengan tanaman padi di Kerian, Perak (1936-1938)

Sumber: Annual Report of Perak, 1936-1938

Berdasarkan kepada Rajah 2, jumlah tanah yang tidak diusahakan dengan tanaman padi meningkat sebanyak 14,108 ekar atau 1599.5% untuk tempoh tiga tahun tersebut. Hal ini adalah lanjutan daripada pendapatan bagi setiap ekar tanaman padi yang sentiasa rendah dan tidak dapat menampung kos penanaman padi untuk setiap ekar tanah yang diusahakan dengan tanaman padi bagi tempoh yang dinyatakan (lihat Rajah 1). Maka, kekangan syarat tanaman menyebabkan terdapat dalam kalangan petani yang mengabaikan tanah mereka kerana tanaman yang lebih menguntungkan seperti getah tidak dibenarkan untuk ditanam sekalipun pengabaian tanah adalah bertentangan dengan syarat perundangan tanah yang telah ditetapkan serta membolehkan kerajaan mengambil semula tanah mereka seperti yang berlaku di Batang Padang, Perak dan Klang, Selangor. Di kedua-dua daerah ini, sebanyak 12 notis di bawah seksyen 37, *The Land Code 1926* dikeluarkan ke atas pemilik-pemilik tanah yang mengabaikan tanah mereka. Bagi mengelakkan tanah tersebut diambil semula oleh kerajaan, pemilik-pemilik tanah tersebut perlu mengusahakan tanahnya dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis dikeluarkan (*F.M.S Government Gazette* 1936, 301; *F.M.S Government Gazette* 1937, 660-661). Perkara ini jelas menonjolkan kesukaran yang terpaksa dihadapi petani akibat kekangan pelbagai peruntukan dan syarat yang dikenakan ke atas tanah milik mereka. Kekangan yang dihadapi ini menyebabkan petani Melayu kehilangan hak milik tanah kerana ketidakmampuan menjelaskan hutang, cukai tanah dan kos-kos lain berkaitan tanah.

PENUTUP

Tuntasnya, isu hutang dan gadai yang seringkali dikaitkan dengan kehilangan tanah dalam kalangan pemilik asal orang Melayu menonjolkan kepincangan dan kelemahan dalam pentadbiran British semasa menjajah Tanah Melayu khususnya

Kajian Malaysia (early view)

kelemahan perundangan tanahnya dan kekurangan kemudahan kredit yang disediakan kepada petani luar bandar untuk memastikan mereka mempunyai cukup modal agar membolehkan mereka berintegrasi dengan permodenan ekonomi yang dibawa pentadbir British. Namun, bagi menutup kepincangan dan kelemahan pentadbirannya, khususnya dalam memajukan aspek sosioekonomi masyarakat peribumi semasa penjajahan, amalan-amalan tradisi masyarakat peribumi termasuk orang Melayu seringkali dipersalahkan. Maka, tidak hairanlah amalan tradisi masyarakat yang dijajah seringkali ditonjolkan dari sisi negatif. Misalnya, amalan hutang dan gadai orang Melayu ditonjolkan sebagai hanya bertujuan untuk memperoleh wang dengan cara yang mudah dan pantas bagi memenuhi kehendak dan tujuan sosial seperti menunaikan haji. Lebih malang lagi, amalan berhutang ini dianggap sebagai sikap semulajadi masyarakat Melayu yang gemar berhutang dan akhirnya menyebabkan tanah milik mereka tergadai kepada pemilik baharu khususnya golongan ceti dan pekedai Cina. Namun berdasarkan rekod-rekod gazet yang dirujuk, faktor signifikan kepada kehilangan tanah orang Melayu ini adalah apabila tanah mereka dilelong oleh kerajaan kerana tidak mampu menjelaskan cukai dan kos-kos lain berkaitan tanah. Hal ini turut membuktikan bahawa pertumbuhan ekonomi sahaja tidak menjamin rakyat menerima manfaatnya jika kerajaan tidak bersedia mengeluarkan perbelanjaan yang cukup untuk kebajikan rakyat dan akhirnya menyebabkan kemunduran ekonomi golongan yang tidak mampu berintegrasi dengan perubahan dan pertumbuhan pantas ekonomi yang sedang berlaku.

PENGHARGAAN

Special thanks and appreciation to Ministry of Higher Education for providing the financial assistance through Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) with code number: FRGS/1/2023/SSI08/USM/02/1

NOTA

1. Parkinson (1967) menghujahkan bahawa keenganaan menerima kemudahan kredit yang disediakan ini, serta pembaharuan-pembaharuan lain yang disediakan kerajaan adalah kerana sikap semulajadi orang Melayu yang enggan dan sukar menerima perubahan jika ianya bertentangan dengan keadaan atau rutin sedia ada orang Melayu. Dalam amalan pertanian orang Melayu. Lewis (1976) turut menghujahkan keenganan untuk menerima perubahan-perubahan yang bertentangan dengan nilai budaya dan sosial mereka seperti ketidaksediaan orang Melayu menerima teknik-teknik baharu dalam penanaman padi.
2. Pendapatan petani adalah amat rendah ini juga menyukarkan mereka menyimpan wang dan mengumpul modal (Firth 1964, 20).
3. Ungku Aziz (1964) menghujahkan situasi-situasi yang dihadapi inilah antara faktor penting yang menyumbang kepada kemiskinan orang Melayu luar bandar.
4. Bagi kes hutang kepada ceti, bukan hanya masyarakat Melayu sahaja yang berhutang kepada ceti ini. Sebaliknya, pemodal Cina juga antara golongan yang turut berhutang kepada ceti bagi tujuan modal, khususnya modal dagangan. Bahkan sejak bermulanya kurun ke-19, ceti merupakan golongan pemberi pinjaman yang penting kepada keperluan modal yang diperlukan oleh pemodal Cina yang dilahirkan di Negeri-Negeri Selat (Ummadevi dan Sivachandralingam, 2017: 4; Ummadevi, 2014).
5. Keperluan kredit bagi petani luar bandar adalah tidak tetap dan berbeza mengikut jenis tanaman yang diamalkan oleh golongan petani (Jomo, 1988: 49).
6. Bukan hanya di Tanah Melayu bahkan isu kredit dalam kalangan petani ini juga turut berlaku di barat seperti di England. Holderness (1976) umpamanya menghujahkan keperluan kredit dalam kalangan petani luar bandar telah pun wujud di luar bandar England sebelum tahun 1700 dan keperluan ini merupakan perkara biasa di kawasan luar bandar England. Begitu pun, isu ini bukanlah suatu yang menimbulkan masalah besar dalam kalangan petani luar bandar. Sebaliknya, amalan berhutang hanya menjadi masalah sosial yang sangat besar dan serius

apabila dipengaruhi pengaruh luar iaitu bermula pada pertengahan kurun ke-17 hingga awal kurun suku pertama kurun ke-18 yang menyaksikan tempoh ini telah berlakunya peningkatan masalah hutang dalam masyarakat petani. Dalam peningkatan masalah hutang petani ini bermula pada tempoh tersebut, Holderness (1967) menolak hujah yang menyatakan bahawa sebab utama petani berhutang adalah demi perbelanjaan untuk menyambut perayaan dan majlis sosial. Bagi beliau, hujah ini walaupun boleh diterima, namun kurang penting untuk diangkat sebagai sebab utama petani berhutang. Sebaliknya, beliau menghujahkan bahawa sebab utama petani berhutang adalah demi menyelesaikan masalah kecairan modal pusingan yang amat dipengaruhi oleh turun naik harga (barangan) dan hasil pertanian yang semakin rencam ekoran pengaruh luar (ekonomi kapitalis). Hal ini dikukuhkan lagi oleh gejala pertambahan hutang lazimnya berlaku sebelum dan selepas musim menuai. (Holderness, 1976: 97-98).

7. Selain daripada peningkatan kos tanaman bagi tanah sedia ada, kegiatan penerokaan tanah baharu juga turut meningkatkan keperluan kredit untuk digunakan sebagai modal pendahulu. Misalnya, galakan penjajah British terhadap kegiatan penanaman padi bagi memenuhi keperluan beras domestik telah meningkatkan kegiatan penerokaan tanah baharu dalam kalangan orang Melayu. Bagi memenuhi keperluan modal untuk tujuan penerokaan tanah baharu ini, terdapat dalam kalangan orang Melayu mencagarkan tanah sedia ada milik mereka (Mokhzani 2006, 263).
8. Halangan pentadbir British terhadap penanaman getah orang Melayu adalah sejajar dengan matlamat pentadbiran British mengekalkan orang dengan tanaman padi bagi mengurangkan import beras dari luar bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan (Brown 1997, 150-153; Lim 1969, 174-178).
9. Sebelum pelaksanaan koperasi, pentadbir British telah melaksanakan Tabung Pinjaman Pertanian (*Agricultural Loan Fund*) bagi membantu petani-petani kecil memperoleh pinjaman sejak tahun 1908. Tujuan pinjaman yang dibenarkan adalah untuk aktiviti pertanian dan juga untuk menebus tanah yang digadaikan petani kepada Ceti (Kratoska 1975, 15). Namun, di antara tahun 1909 hingga 1911, hanya 454 pinjaman dikeluarkan untuk petani dengan kebanyakan jumlah untuk setiap pinjaman yang dikeluarkan tidak mencapai amaun \$100. Jumlah ini

Kajian Malaysia (early view)

masih tidak mencukupi dalam membantu petani kerana jumlah dan amaun pinjaman yang rendah. Misalnya di Bagan Datoh, penghulu menganggarkan amaun purata pinjaman oleh petani adalah \$300. Maka, amaun pinjaman \$100 paling tinggi yang diluluskan kepada petani padi adalah tidak mencukupi iaitu 33% lebih rendah berbanding jumlah hutang yang ditanggung oleh petani (Lim 1977, 86-87).

10. Kemudian dengan pelaksanaan perundangan tanah baharu iaitu *The Land Code, 1926*, peruntukan dengan maksud yang sama diletakkan pada Bahagian IV iaitu *Condition and Obligation* di bawah Seksyen 37 (*The Land Code, 1926 in Supplementary to the F.M.S Gazette 1926, 1051-1052*).

RUJUKAN

- Ahmad Nazri, A. 1985. *Melayu dan tanah*. Petaling Jaya: Media Intelek.
- Aiza Maslan dan Mahani Musa. 2023. Isu tabungan orang Melayu dalam sejarah pengerjaan haji era kapal laut. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50(2): 92-108.
- Andaya, B. W., dan L. Y. Andaya. 1982. *A History of Malaysia*. Edisi ke-2, London and Basingstoke: The Macmillan Press Ltd.
- Annual Report on the working of Co-operative Societies in Federated Malay States and Straits Settlement, 1937.
- Barritt, N. W. 1913. "The rice crop in Malaya "Federated Malay States (F.M.S)" *Agricultural Bulletin of The Federated Malay States*, vol. 1, no. 1.
- Briggs, C. 2009. *Credit and village society in fourteenth-century England*. British Academy Postdoctoral Fellowship Monographs. London: British Academy. <https://doi.org/10.5871/bacad/9780197264416.001.0001>
- Brown, I. 1997. *Economic change in South-East Asia, c. 1830-1980*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Cavendish, A. 1922. "Co-operation as a subject for study in Malaya". Penang: Pinang Gazette Press, LTD.

Kajian Malaysia (early view)

- CO 438: *Annual report on the social and economic progress of the people of Perak 1922-1939*. Perpustakaan Hamzah Sendut 1: Universiti Sains Malaysia. (Microfilm 1488).
- David S. Y. Wong. 1975. *Tenure and Land Dealings in the Malay States*. Singapore University Press.
- F.M.S Government Gazette*, 1926, 1929, 1936, 1937, 1939
- Firth, R. 1964. Capital, saving and credit in peasant societies: A viewpoint from economic anthropology. In *Capital, saving and credit in peasant societies*, eds. Raymond Firth and B. S. Yamey, 15-34. London: George Allen and Unwin Ltd.
- Fredericks, L. J. 1973. The Impact of the cooperative movement in Colonial Malaya, 1922-40. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 46(2)(224): 151-68. <http://www.jstor.org/stable/41492079>.
- Gamba, C. 1958. Poverty, and some socio-economic aspects of hoarding, saving and borrowing in Malaya. *Malayan Economic Review* 3(2): 33-62.
- Gullick, J.M. 1987. *Malay society in the late nineteenth century, the beginning of change*. Singapore: Oxford University Press.
- Holderness, B.A. 1976. Credit in English rural society before the nineteenth century, with special reference to the period 1650-1720. *Agricultural History Review* 24: 97-109.
- Jelani Harun et. al. 2021. *Undang-undang adat negeri Kedah abad ke-19 milik Ku Din Ku Meh*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jomo Kwame Sundaram. 1988. *Pembangunan ekonomi dan kelas sosial di Semenanjung Malaysia*. terj. Shamsul Bahriah Ku Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kratoska, P. 1975. *The chettiar and the Yeoman: British cultural categories and rural indebtedness in Malaya*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, No. 32.
- Kratoska, P. H. 1983. "Ends that we cannot foresee": Malay reservations in British Malaya'. *Journal of Southeast Asian Studies* 14(1): 149-68. <http://www.jstor.org/stable/20174324> (last accessed 15 August 2024).
- Lewis, D. K. 1967. Rules for agrarian Change: Negri Sembilan Malays and agricultural innovation. *Journal of Southeast Asian Studies* 7(1): 74-91. <https://doi.org/10.1017/S0022463400010274>.

Kajian Malaysia (early view)

- Lim, Chong Yah. 1969. *Economic development of modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lim, Teck Ghee. 1977. *Peasant and their agricultural economy in Colonial Malaya, 1874-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mahani, M. 2005. *Sejarah dan sosioekonomi wanita Melayu Kedah 1881-1940*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhzani A.R. 2006. *Credit in a Malay peasant economy*. Kuala Lumpur: Arus Intelek Sdn. Bhd.
- Nur Najwa Yusof, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus and Noor Ain Mat Noor. 2023. Isu-isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat Melayu Kedah pada suku pertama abad ke-20. *Kajian Malaysia* 41(1): 263–287. <https://doi.org/10.21315/km2023.41.1.13>
- Parkinson, B.K. 1967. Non-economic factors in the economic retardation of the rural Malays. *Modern Asian Studies* 1(1): 31-46. <http://www.jstor.org/stable/311583>.
- Rahman Tang, A. 2018. Transisi ekonomi dalam masyarakat Melayu: Ekonomi wang era permulaan kapitalisme di Tanah Melayu. *Jurnal Kinabalu* 21: 97-125. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/860>
- Rahman Tang, A. dan Abdul Rashid, S. 2015. Akhbar Melayu dan isu ekonomi masyarakat Melayu dekad 1930-an. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas (Konvokesyen UMS)* 17: 1-12. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jkob/article/view/160>
- Report of the Rice Cultivation Committee 1931*, vol. II. 1953. Federation of Malaysia, Kuala Lumpur.
- Selangor Secretariat File 582/1923. *Conferences for Malay Officers of the Agricultural and Co-operative Departments*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Selangor Secretariat File 980/1924. Cooperative Societies Department, S.S. & F.M.S Annual report for 1923. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Selangor Secretariat File 419/1935. *Report on the activities of Co-operative Societies Department in the Federated Malay States and Straits Settlements, during 1935*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Sharom Ahmat. 1969. Tradition and change in A Malay State: A study of the economic and political development of Kedah, 1879-1923. Tesis Ph.D., University Of London.

Kajian Malaysia (early view)

- Swift M. G. 1964. Capital, saving and credit in a Malay peasant economy. In *Capital, saving and credit in peasant societies*, eds. Raymond Firth and B. S. Yamey, 133-156. London: George Allen and Unwin Ltd.
- The Land Code, 1926 in Supplementary to the Federated Malay States (F.M.S) Government Gazette 1926.
- The Land Enactment, 1911 in A. B. Voules. 1921. *The Laws of The Federated Malay States 1877-1920*. London: Hazel, Watson & Viney LD.
- The Straits Echo*. 1925. Malay co-operative societies. 12 August 1925. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitsechomail19250812-1.2.63?qt=rural,%20cooperative,%20credit&q=rural%20cooperative%20credit> (accessed 2 Mac 2024).
- The Straits Times*. 1926. Perak co-operation. 5 July 1926. <http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19260705-1.2.4?qt=rural,%20cooperative,%20> (accessed 2 Mac 2024).
- The Straits Times*. 1937. Malaya's 80,000 co-operators. 27 April 1937. <http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19370427-1.2.126?qt=rural,%20cooperative,%20credit&q=rural%20cooperative%20credit> (accessed 2 Mac 2024).
- Ummadevi Suppiah and Sivachandralingam Sundara Raja. 2017. Chettiar capital and the emergence of the Chinese bourgeois in British Malaya. *Kajian Malaysia* 35(1): 1–21. <https://doi.org/10.21315/km2017.35.1.1>
- Ummadevi Suppiah. 2014. History of moneylending during british era: A case study of Chettiars as the major money lenders. <https://www.semanticscholar.org/paper/History-of-moneylending-during-British-era%3A-A-case-Suppiah/6b838421b9de1745244446ba2b694fe224302fc8>
- Ungku Abdul Aziz. 1959. *Renchana-renchana ekonomi dan kemiskinan*. Singapore: Pustaka Melayu.
- Ungku Abdul Aziz. 1964. Poverty and rural development in Malaysia. *Kajian Ekonomi Malaysia* 1(1): 70-105.
- Vlieland, C. A. 1932. *British Malaya: Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistic*, The Crown Agent for the Colonies, London.

Kajian Malaysia (early view)